

Malaysia kekurangan perancangan kewangan Islam

KUALA LUMPUR 14 Dis. – Malaysia masih ketandusan mereka yang mahir dalam perancangan kewangan Islam untuk mempromosikan industri itu ke tahap yang lebih meluas, kata Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Mohd. Razif Abdul Kadir.

Mohd Razif berkata, inisiatif baharu daripada pelbagai pihak perlu diketengahkan terutamanya dalam bidang pendidikan bagi melahirkan lebih ramai individu yang pakar dalam bidang berkenaan.

“Sektor kewangan Islam menunjukkan pertumbuhan yang sangat positif sejak beberapa tahun ini dan kita perlu merebut peluang ini untuk mengetengahkan bakat tempatan.

“Industri kewangan Islam kini dianggarkan bernilai AS\$1 trillion (RM3.13 trillion) dengan pertumbuhan 15 hingga 20 peratus setahun dan dijangkakan mampu mencapai AS\$2 trillion (RM6.26 trillion) dalam tempoh tiga tahun akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Forum Kesedaran Perancangan Kewangan Shariah anjuran Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MPFC) di Kelab Diraja Selangor di sini hari ini.

Pada majlis itu, MPFC turut memeterai memorandum perjanjian (MoA) dan memorandum persefahaman (MoU) dengan lima buah universiti bagi melahirkan graduan berkelulusan Perancangan Kewangan Berdaftar (RFP).

Universiti berkenaan adalah Open

University Malaysia (OUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan UCSI University.

Sementara itu, Presiden MFPC Kee Wah Soong berkata, negara kini hanya mempunyai kurang daripada 300 orang perancang kewangan Islam dan jumlah itu tidak mampu memenuhi keperluan industri tersebut.

Katanya, melalui kerjasama dengan lima buah universiti itu, MFPC merancang melahirkan 400 hingga 500 graduan yang mempunyai kelebihan RFP setahun.

“Ketika ini, kami sudah bekerjasama dengan sembilan buah universiti dan merancang menambah sebuah lagi pada masa depan dan sarasaran kami adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM).

“OUM akan melahirkan graduan RFP bertaraf sarjana manakala universiti lain menawarkan sijil sarjana muda dan diploma,” jelasnya.